

40,000 nelayan belum daftar dengan persatuan: LKIM

HM 27/12/2022 ms: 21

Tumpat: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menggesa semua nelayan di negara ini mendaftar dengan persatuan nelayan supaya bantuan dapat disalurkan secara menyeluruh terutama bagi yang terkesan banjir.

Ketua Pengarahnya, Yusoff Othman berkata, setakat ini hanya 90,000 sahaja nelayan seluruh negara yang berdaftar dan dianggarkan 40,000 lagi yang masih belum mendaftar dengan persatuan nelayan di kawasan masing-masing.

“Kita nak semua nelayan jadi ahli supaya kebajikan mereka terbela dan setakat ini hanya 90,000 sahaja yang berdaftar manakala melalui data daripada Jabatan Perikanan merekodkan 130,000 nelayan seluruh negara.

“Banyak manfaat yang boleh diperolehi jika nelayan mendaftar contohnya elaun sara hidup, subsidi diesel, baik pulih dan bina rumah baharu, pinjaman tanpa faedah, pendidikan dan projek tanaman kontang.

“Paling penting di musim tengkujuh ini yang semua maklum nelayan tidak dapat turun ke laut menangkap ikan dan sudah pasti kera-



YUSOFF (dua dari kanan) diiringi Khuzaimah menyampaikan sumbangan LKIM Prihatin dalam program Jiwa Murni di Kompleks LKIM Geting, Tumpat. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

jaan akan salurkan bantuan berkaitan,” katanya ketika sidang media di sini, semalam.

Terdahulu beliau hadir di Kompleks LKIM Geting, di

sini, dalam program Jiwa Murni dengan menyerahkan sumbangan kepada 33 nelayan di Tumpat yang terjejas banjir.

Turut hadir ialah Penga-

rah Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan LKIM Hamdan Matmat dan Pengarah LKIM negeri Kelantan Khuzaimah Husain.

Yusoff berkata, setakat ini, seramai 1,250 nelayan di Pahang, Terengganu dan Kelantan terjejas banjir dan pihaknya menerusi Kementerian Pertanian dan Keter-



Banyak manfaat yang boleh diperolehi jika nelayan mendaftar contohnya elaun sara hidup, subsidi diesel, baik pulih dan bina rumah baharu”

Yusoff Othman

jaminan Makanan (MAFS) mengagihkan bantuan wang tunai bernilai RM500 serta makanan asas.

Katanya lagi, LKIM juga sudah mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana LKIM di peringkat negeri dan ibu pejabat untuk menyelaras selain membuat persiapan mengenai intervensi bantuan kepada komuniti nelayan.

“MAFS dan LKIM sentiasa komited membantu meredakan beban ditanggung golongan sasar nelayan seterusnya menjaga kebajikan serta keselamatan mereka terjaga selain memastikan sekuriti makanan sentiasa terjamin dalam apa jua keadaan,” katanya.